

07 MAR 1997

Keputeraan - Darjah

TUN DAIM, KSN KETUAI PENERIMA ANUGERAH KEPUTERAAN SULTAN SELANGOR

SHAH ALAM, 7 Mac (Bernama) -- Penasihat Ekonomi Negara, Tun Daim Zainuddin dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdul Halim Ali mendahului 747 penerima darjah kebesaran serta bintang dan pingat kehormatan sempena ulangtahun ke-71 keputeraan Sultan Selangor, esok.

Kedua-dua mereka dianugerah darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) Kelas Pertama yang membawa gelaran Datuk.

Sebanyak 69 orang lagi turut menerima gelaran Datuk iaitu seorang menerima darjah kebesaran Seri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSSA) Kelas Pertama, 11 orang menerima darjah kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMS) Kelas Kedua dan 57 lagi menerima darjah kebesaran Dato' Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA) Kelas Kedua.

Tujuh yang lain menerima anugerah dato' bergelar Dato' Diraja Selangor.

Penerima tunggal SSSA ialah ahli perniagaan Datuk Jacob Sigamoney.

Penerima DPMS ialah Duta Besar Malaysia ke Beijing Mat Amir Jaafar, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London Datuk Kamaruddin Abu, Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam Datuk Faiza Tamby Chik, Penggubal Undang-undang Parlimen Zaharah Ibrahim, Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Haji Harun Salim, Presiden Majlis AIDS Malaysia Marina Mahathir, Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang M. Rajasingam, doktor peribadi Sultan Selangor Dr Charles C. Yu dan ahli-ahli perniagaan Haji Ahmad Lisot, Puan Sri Chai Yu Lan dan Dr Jazmes Alfred A. David. (Penerima wanita DPMS bergelar Datin Paduka).

Penerima DSSA pula ialah Pegawai Kewangan Negeri Selangor Abdul Aziz Mohd Yusof, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Dr Shafie Mohd Salleh yang juga Anggota Parlimen Kuala Langat, Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kelana Jaya Haji Mokhtar Ahmad Dahalan, ADUN Puchong Mohamed Satim Diman, ADUN Benta, Pahang, Suhaimi Ibrahim, Senator Datin Hajah Wan Intan Ahmad Tajuddin, Senator Eng Hoi Choo.

Panglima 11 Briged Brig Jen Mohd Amin Md Salleh, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Petaling Jaya Mohd Nor Bador, Ketua Pengarah Kerja Raya Haji Mat Yasir Juli, Ketua Cawangan Khas Polis Selangor SACII Mohamed Yaacob, Ketua Pengarah Telekom Haji Hod Parman, pakar perunding bedah urologi Dr Mahmood Awang Kechik, Pengerusi Perkim Haji Mohd Yassin Haji Taib.

Pengerusi Kehormat Persatuan Kanak-kanak Spastik Malaysia Dr Mohinder Singh, Pengarah Pendidikan Kelantan Haji Zorkarnain Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian Kamaruzzaman Alias, Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Selangor Haji Mohd Nahwari Hashim, Pengarah Perpustakaan Awam Selangor Shahaneem Hanoum N.N. Dadameah.

Pakar perunding perubatan Ampri Chest Medical Clinic Dr K. Arupikaipakan, bekas Ahli Parlimen Tanjung Karang Saidin Adam, Setiausaha Barisan Nasional Kuala Selangor Haji Hashim Mahmud dan ahli-ahli perniagaan Patrick Lim Soo Kit dan Dr Bahari Abu Mansur.

Penerima lain ialah ahli perniagaan Kamal Hussain, Mohamed Haji Said, Yasuo Takahashi, Tan Hua Tong, Lim Teng Lew, Soo Jee Sin @ Too Gee Ban, Tee Boon Kee, Aripin Mokhtar, Haji Yaakub Shah Haji Md Ali Shah, Mohd Said Haji Mat Saman, Yeong Kok Hee, Paul Khoon Poh Keong, Lim Soon Peng, Abdul Shukor Mohamed, Peter Kuah Tian Nam;

Dr Haji Adam Harun, Noor Azman @ Noor Hizam Mohd Nurdin, Haji Zainuddin Abd Rahman, Hui Swee Leong, V. Sivaparanjothi, Haji Jaafar Hamzah, Haji Md Yusof Mohd Nizan, Haji Abdul Jabar Kamin, Mohd Hashim Hassan, Haji Adnan Buyong, Tan Guan Cheong, Mohammed Idris Abu Bakar, Kuang Eng Kong @ Kuan

Yong Kuan, Rahmat Jamari, Edmond Lee Kum Sun, Gan Kim Siong, Ng Thean Lai @ Peter Ng dan Yeoh Seok Kian.

Dato' bergelar pula dianugerahkan kepada Orang Besar Daerah Kuala Langat Raja Haji Uzair Tengku Zainon Rashid Shah (Engku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Kuala Langat), Orang Besar Daerah Petaling Datuk Haji Abu Bakar Abdul Hamid (Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling), ahli perniagaan Tengku Sulaiman Shah Tengku Abdul Jalil Shah (Tengku Setia).

Ahli perniagaan Datuk Dr Kok Mew Shoon (Dato' Aman Diraja), ahli perniagaan Peh Teck Quee (Dato' Seri Malawati), ahli perniagaan Satyinder Singh (Dato' Jaya Rakna) dan ahli perniagaan Edgar Anthony Duraisingam (Dato' Seri Cahaya).

Antara 10 penerima darjah Setia Mahkota Selangor (SMS) Kelas Ketiga ialah Penasihat Undang-undang Selangor Ahmadi Haji Asnawi, ADUN Sungai Tua S. Gopalakrishnan, Pengurus Besar Yayasan Selangor Haji Mohamed Shahibi Mohd Sharif dan Pengarah Pertanian Selangor, Puan Airmy Johari.

Seramai 27 orang menerima darjah Setia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSA) Kelas Ketiga. Antaranya ADUN Beranang Soib Md Silin, ADUN Sungai Panjang Haji Mohammed Pauzi Abdul Murad, ADUN Sabak Bernam Haji Raja Ideris Raja Ahmad dan ADUN Ijok K. Sivalingam.

Timbalan Setiausaha Kerajaan I Mohd Sinon Mudzakir, Timbalan Setiausaha Kerajaan II Haji Amir Sharifuddin Abu Bakar, bekas Pengurus Tenaga Nasional Wilayah Selangor Haji Samsudin Sairan, Ketua Polis Daerah Klang ACP Aziz Ariarasa Abdullah dan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya ACP Johar Che Din.

Antara 56 penerima darjah Ahli Mahkota Selangor (AMS) Kelas Keempat ialah Setiausaha Akhbar kepada Menteri Kerja Raya S. Ganapathy, Ketua Polis Daerah Hulu Selangor Supt Karn Kam Peng dan Pengarah Majlis Sukan Selangor, Naziz Mustafa.

Seramai 37 orang menerima darjah Ahli Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (ASA) Kelas Keempat termasuk Ketua Penolong Setiausaha Dewan Undangan Negeri Haji Mohd Kushrin Munawi dan Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Negeri, Mohd Sukarno Abd Wahab.

Sebanyak 26 orang dilantik sebagai Jaksa Pendamai (JP) - Presiden Kumpulan Darul Ehsan Berhad Datuk Haji Yaacob A. Hamid, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Selangor Soohaimi Abdul Rahman dan ahli perniagaan Datuk Mohd Kamal Eusuff.

Tiga orang menerima Pingat Keberanian Terpilih (PKT) iaitu Pegawai Staf 2 Markas Tentera Darat Mej Zulkifli Tahir, pegawai Unit Tindakan Khas Bukit Aman Pemangku Sjn Rosmadi Ruslan dan Sjn Ismail Othman.

Sebanyak 56 orang menerima Pingat Perkhidmatan Terpilih (PPT) termasuk Pegawai Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Klang Rosli Udin dan Timbalan OCPD (Jenayah) Shah Alam, DSP G. Selvakumar.

Seramai 391 orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) termasuk pemain bola sepak Azman Adnan, Asroff Hanafiah, Abdul Mubin Mokhtar, Shahril Majid dan Yap Kam Choon, wartawan Berita Harian Minarni Md Saat, wartawan New Straits Times Saodah Alias, wartawan Utusan Malaysia Aziz Ishak dan penyiar Radio Tiga Shah Alam, Kasbon Harun dan Zainal Abidin Abd Rahman.

Seramai 30 orang menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan 33 lagi Pingat Perkhidmatan Selangor (PPS).-- BERNAMA

MNY KM OBA